

**ISU DAN CABARAN DALAM PENGGUNAAN BAHASA ISYARAT MALAYSIA  
(BIM) UNTUK PENGAJARAN PERKARA ASAS FARDHU AIN (PAFA)**

Syar Meeze Mohd Rashid, Norlidah Alias, Zawawi Ismail

**UNIVERSITI MALAYA**  
[cikgumeeze@gmail.com](mailto:cikgumeeze@gmail.com)

**Abstract**

This article discusses issues and challenges faced by special education teachers in using *Bahasa Isyarat Malaysia* to teach the deaf basics of *fardhu ain*. Firstly, the shortage of Islamic terminologies in sign language leads to communication barrier between the teacher and students. Besides that, the *Fardhu Ain* teachers are not well-versed with sign language. Another issue is that the curriculum used is meant for the typical community and unsuitable for the deaf community.

**Keywords:** *Bahasa Isyarat Malaysia* (BIM), *Perkara Asas Fardhu Ain* (PAFA), deaf community

**Abstrak**

Artikel ini membincangkan tentang isu dan cabaran yang dihadapi guru pendidikan khas dalam penggunaan BIM untuk pengajaran PAFA kepada golongan pekak. Isu dan cabaran yang pertama ialah kekurangan bahasa isyarat agama Islam yang menyebabkan kesukaran golongan pekak dan guru yang mengajar untuk berkomunikasi bagi membincangkan perkara yang berkaitan dengan agama. Selain itu, isu dan cabaran kedua ialah ketidakmahiran guru PAFA dalam berkomunikasi menggunakan bahasa isyarat. Seterusnya isu dan cabaran ketiga ialah ketidaksesuaian kurikulum PAFA untuk golongan pekak kerana kurikulum PAFA yang digunakan kepada golongan pekak turut digunakan sama oleh golongan tipikal Muslim yang lain.

**Kata kunci:** Bahasa Isyarat Malaysia (BIM), Perkara Asas Fardhu Ain (PAFA), golongan pekak

## Pengenalan

Bahasa isyarat merupakan suatu bentuk komunikasi yang digunakan oleh komuniti pekak (Kincaid, 2012). Penggunaan bahasa isyarat boleh juga digunakan oleh golongan yang mempunyai masalah dalam bertutur, golongan yang tidak boleh mempelajari bahasa melalui pertuturan, dan golongan yang tidak boleh mendengar (Kincaid, 2012). Seperti bahasa yang lain, penggunaan bahasa isyarat memudahkan komunikasi kepada komuniti pekak dan memberi peluang kepada golongan ini meluahkan rasa, pendapat, idea, perasaan dan sebagainya (Kincaid, 2012). Keunikan bahasa isyarat dapat dilihat apabila timbul bentuk atau simbol tangan yang memberi makna sesuatu perkara (Loughran, 2013). Selain itu, bahasa badan dan ekspresi muka menjadi daya tarikan serta intonasi dalam penggunaan bahasa isyarat (Wilbur, 2013).

Ramai pakar bahasa telah menyatakan bahawa bahasa isyarat merupakan suatu bahasa kerana bahasa isyarat mempunyai struktur tatabahasanya yang tersendiri, dan berkembang seperti bahasa yang lain (Haung, 2012). Selain itu, bahasa isyarat sangat mudah digunakan dan penyampaiannya adalah terus (Enns & Herman, 2014). Bahasa isyarat juga menjadikan penggunanya berfikir secara visual kerana corak penyampaiannya adalah lebih ke arah visual dan komunikasinya melibatkan penggunaan mata (Wilbur, 2013).

Komuniti pekak di Malaysia telah menggunakan bahasa isyarat Malaysia (BIM) atau dikenali juga sebagai MySL sebagai komunikasi utama mereka (Lim, 2006). Walaupun BIM merupakan bahasa utama yang digunakan oleh komuniti pekak tetapi setiap negeri di Malaysia mempunyai dialek bahasa isyarat mereka sendiri. Bahasa isyarat yang digunakan di Malaysia berkembang selari dengan perkembangan dan kemajuan komuniti pekak. Pada 17 November 2007, Akta Orang Kurang Upaya (OKU) 2008 telah diluluskan secara rasmi oleh Parlimen Malaysia dan mendapat perkenan di Raja pada 9 Januari 2008 sebagai Akta 685, yang menyatakan bahawa Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) diiktiraf sebagai bahasa rasmi orang pekak di negara ini (Mohamed Sazali Shaari, 2004). Sehubungan itu, banyak pertubuhan pekak telah mengadakan kelas bahasa isyarat (Lim, 2006). Hal ini supaya dapat mempromosikan dan memperjuangkan BIM kepada masyarakat (Mohamed Sazali Shaari, 2004). Misalnya, Persekutuan Orang Pekak Malaysia (MFD) telah mengadakan kelas / kursus bahasa isyarat di seluruh negara sepanjang tahun dan mendapat sambutan yang menggalakkan (Mohamed Sazali Shaari, 2004).

Sehubungan itu, penggunaan bahasa isyarat dalam mempelajari agama Islam dapat memberi kesan yang mendalam kepada golongan pekak (Hamdi Ishak, 2010a). Perkara ini juga disokong oleh Mohd Huzairi Awang, Hajaratur Bahti Zakaria, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib serta Nabiroh Kassim (2010); menurut mereka, bahasa isyarat dapat memudahkan golongan pekak mempelajari PAFA dengan lebih berkesan. Oleh itu, jelaslah menunjukkan bahawa penggunaan bahasa isyarat dapat meningkatkan kefahaman

dan dapat menarik minat golongan pekak untuk mempelajari agama Islam khususnya pembelajaran PAFA.

### Sejarah Perkembangan Bahasa Isyarat Islam

Sejarah mengenai penggunaan bahasa isyarat dalam agama Islam kurang dikenal pasti kemunculannya. Namun, sejak zaman Rasulullah s.a.w lagi penggunaan isyarat dan bahasa badan telah digunakan oleh baginda dalam usaha menerangkan hal-hal yang cukup penting dan untuk menarik perhatian orang yang menyemaknya (Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011). Rasulullah sering menggunakan isyarat melalui anggota tubuh badan Baginda sebagai sokongan atau penguat terhadap perkara yang Baginda jelaskan (Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah, 2011).

Perkembangan bahasa isyarat dan sejarah orang pekak dalam dunia Islam tidak dapat diketahui asal permulaannya. Namun Moores (1996) telah menceritakan sedikit mengenai perkembangan pendidikan orang pekak Islam di tanah Arab. Selepas kejatuhan Eropah Barat, Byzantine telah berusaha keras untuk menyebarkan ajaran agam Islam di seluruh dunia. Selama sepuluh tahun agama Islam disebarluaskan akhirnya Islam telah berkembang di Syria, Palestin, Iraq, Parsi, dan Mesir. Setelah itu, pada 718, Islam telah berkembang di Afrika Utara, Sepanyol, dan Portugal. Kemudian pada 732 pengaruh Islam tersebar di Perancis (Moores, 1996).

Ketika itu, empayar perkembangan Islam Byzantine dan dunia Islam lebih meluas dan maju daripada Eropah yang merupakan zaman kegelapan mereka. Kejayaan dan kemajuan Islam ketika itu menyebabkan lahirnya pelbagai ilmuan yang mahir dalam bidang-bidang tertentu. Misalnya seperti Ibn Sina, Al-Kawarizmi, dan sebagainya (Moores, 1996). Rhazes (850 hingga 920) merupakan ahli fizik Arab yang sangat berjaya ketika itu telah membahagikan golongan pekak kepada tiga kategori iaitu, kemerosotan pendengaran, pengurangan pendengaran, dan kehilangan pendengaran. Beliau mempercayai masalah pendengaran yang dihadapi oleh golongan ini boleh disembuh jika rawatan dimulakan pada sebelum umur menjangkau dua tahun (Moores, 1996).

Selain itu, Werner (1932) dalam Moores (1996) mengatakan bahawa Ibn Sina (980-1037) merupakan tokoh fizik dan perubatan Islam yang hebat telah menggunakan teori pendengaran berdasarkan karya Galen yang merupakan ahli fizik Greek untuk merawat golongan yang menghadapi masalah pendengaran. Daripada usaha-usaha yang dilakukan oleh ahli-ahli ilmuan Islam ini menunjukkan sebenarnya terdapat golongan pekak semasa zaman kegemilangan Islam ketika itu.

Walaupun pada masa itu Islam mengalami zaman kegemilangan tetapi perkembangan pendidikan untuk golongan pekak adalah sangat kurang. Haj (1970) dalam Moores (1996) mengatakan bahawa di dalam Al-Quran hanya menceritakan mengenai keprihatinan dakwah

kepada golongan buta sahaja. Manakala Hamdi Ishak (2010b) mengatakan bahawa di dalam Al-Quran istilah pekak hanya digambarkan dan diumpamakan sebagai golongan Munafik dan golongan Musyrikin. Golongan pekak juga digambarkan sebagai balasan terhadap mereka yang kufur kepada Allah SWT di akhirat kelak.

Menurut Haj (1970) dalam Moores (1996) golongan pekak jarang disebut di dalam literatur Arab dan golongan pekak menghadapi kesukaran dalam bersosial, menghadapi tekanan dalam sejarah hidup, kebijaksanaan dan agama. Selain itu Haj (1970) dalam Moores (1996) telah mendapat suatu sumber literatur Arab lama yang menceritakan masalah yang dihadapi oleh orang pekak:

*“Sesiapa yang mengalami masalah dalam pendengaran kurang diberi rasa hormat daripada masyarakat. Mereka mempunyai kehilangan bukan sahaja pendengaran tetapi tidak boleh berkomunikasi dan berdebat. Mereka juga kehilangan nikmat untuk mendengar bunyi dan lagu. Masyarakat akan berasa bosan dan terbeban apabila bersama dengan golongan pekak kerana mereka tidak boleh bercerita dan berbual”.*

Kenyataan ini menunjukkan bahawa golongan pekak telah wujud sekian lama dan wujud pada zaman kegemilangan Islam. Walaupun tidak ada menceritakan mengenai bentuk komunikasi yang digunakan oleh orang pekak ketika itu tetapi pastinya golongan pekak ketika itu mempunyai insentif dan usaha dalam berkomunikasi dan menyatakan hasrat sesuatu yang diingini iaitu dengan menggunakan bahasa badan dan ekspresi muka. Hal ini dapat dibuktikan melalui penulisan Hagen (2011) yang mengatakan bahawa setiap manusia daripada dahulu hingga kini pasti akan menggunakan bahasa badan dan ekspresi muka dalam menyatakan dan memperkuatkhan maklumat yang ingin disampaikan. Walaupun tanpa menggunakan suara dan menyebut perkataan, manusia boleh menyampaikan maklumat dengan menggunakan bahasa badan, ekspresi muka dan bahasa melalui pergerakan tangan (Hagen, 2011).

Kajian mengenai sejarah bahasa isyarat di tanah Arab masih kurang dan hanya menghuraikan mengenai adanya bahasa isyarat yang digunakan oleh orang pekak di tanah Arab dan perbezaannya mengikut negara di tanah Arab. Misalnya, kajian yang dilakukan oleh Ghaner (2008) dan Trine (2013) yang mengatakan bahawa golongan pekak di tanah Arab telah menggunakan bahasa isyarat sebagai bahasa utama dalam komunikasi mereka. Selain itu, menurut Al-Fityani dan Padden (2008) dan Trine (2013) setiap negara di tanah Arab mempunyai bahasa isyarat mereka tersendiri dan berkembang mengikut budaya dan cara hidup dalam sesebuah negara. Disebabkan bahasa isyarat itu berkembang mengikut budaya, amalan dan cara hidup masyarakat setempat, di negara-negara Arab juga tidak terlepas dalam menghasilkan isyarat-isyarat yang berkaitan dengan agama Islam (Al-Fityani et al., 2008). Misalnya di negara Arab Saudi, Pakistan dan sebagainya telah berusaha untuk menghasilkan sebuah isyarat yang berkaitan agama Islam (Al- Fityani et al., 2008; Trine, 2013).

Pada tahun 2005 suatu pertubuhan persatuan yang dikenali sebagai *Deaf Muslim* telah ditubuhkan di Institut Teknologi Rochester, New York (Zakarna, Eldin, & Jasim, 2013). Tujuan penubuhan persatuan ini adalah untuk memastikan konsep pendidikan agama Islam untuk orang pekak dapat disebarluaskan di seluruh dunia. Selain itu, usaha yang dilakukan oleh persatuan ini adalah dengan mengadakan terjemahan Al-Quran dalam bahasa isyarat Amerika. Projek ini dilakukan untuk memastikan golongan pekak memahami dan menghayati intipati dalam Al-Quran. Persatuan ini juga, mengadakan pelbagai aktiviti bagi menarik golongan pekak di seluruh dunia menghayati dan menyintai Islam (Zakarna et al., 2013).

Pada 11 hingga 13 November 2013, sebuah forum antarabangsa orang pekak muslim yang buat julung kali diadakan di Doha Qatar. Forum ini telah menghimpunkan orang pekak yang beragama Islam dari seluruh dunia bagi membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan Islam dalam kalangan orang pekak. Antara isu yang diketengahkan dalam forum ini ialah pendidikan agama Islam kepada golongan pekak, pengajaran Al-Quran dan Sunnah kepada golongan pekak, cabaran orang pekak Muslim dan penggunaan teknologi serta perkhidmatan elektronik kepada golongan pekak dalam mendapatkan pendidikan Al-Quran dan Sunnah (Zakarna et al., 2013). Pihak pengajur telah mempromosikan dan menyebarkan kamus bahasa isyarat berkaitan Islam kepada semua tetamu yang hadir pada forum berkenaan. Projek dalam menghasilkan Kamus bahasa Isyarat Islam telah diketuai oleh Ali Sennari dan Naji Zakarna (Zakarna et al., 2013). Sebanyak 1200 isyarat berkaitan Islam telah diperkenalkan (Zakarna et al., 2013). Dalam menghasilkan kamus berkenaan pihak Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Qatar telah mengundang lebih 50 negara Arab dan pakar orang pekak sama ada yang pekak atau tipikal untuk membincangkan mengenai bahasa isyarat yang sesuai digunakan dalam agama Islam (Zakarna et al., 2013).

Usaha dalam menyebarkan bahasa isyarat Islam ini merupakan usaha baru dan masih dalam tahap pembangunan. Kini, ramai masyarakat mula sedar terhadap kepentingan agama Islam kepada golongan pekak dan perlu diberikan keutamaan agar hak berpendidikan agama untuk golongan ini tidak ketinggalan.

### **Isu dan cabaran penggunaan BIM dalam pengajaran PAFA**

Sebagai seorang manusia kita seharusnya berusaha mengabdikan diri kepada Allah dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi larangan-Nya (Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Abd. Hamid, 2009). Seseorang muslim yang beriman seharusnya mendidik diri, keluarga, dan masyarakat supaya dapat memenuhi tuntutan ibadah (Azrin Ab. Majid, 2011; Ismail Kamus et al., 2009). Proses pendidikan ini tidak dapat dilaksanakan dengan sempurna sekiranya seseorang Muslim itu tidak mempunyai ilmu atau memahami perkara-perkara asas dalam Islam (Ismail Kamus et al., 2009). Oleh itu, ilmu pengetahuan mengenai perkara asas fardhu ain adalah sangat penting kepada semua manusia dalam membentuk diri seseorang menjadi hamba Allah SWT yang bertakwa (Azrin Ab. Majid, 2011).

Golongan pekak juga merupakan makhluk manusia yang diciptakan oleh Allah dan melaksanakan perintah Allah SWT sama seperti golongan tipikal yang lain (Hamdi Ishak,

2010b). Hal ini kerana mereka masih mempunyai indera penglihatan yang membolehkan mereka menerima ilmu, maklumat dan pengajaran (Hamdi Ishak, 2010b). Ibadah merupakan satu aspek yang penting sebagai seorang Muslim bagi menghubungkan dirinya dengan Allah SWT, dan mengawal diri yang sentiasa terikat dengan akidahnya (Hamdi Ishak, 2010b) seperti mana firman Allah SWT:

*“Dan (ingatlah). Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.*

(Surah Az-Zariyat 51: 56)

Ibadah yang difardhukan oleh Allah SWT dalam Islam bukan seseuatu yang berat sehingga tidak mampu dilakukan oleh manusia (Azrin Ab. Majid, 2011). Perkara ini wajib dilaksanakan mengikut kadar kemampuan masing-masing (Azrin Ab. Majid, 2011; Hamdi Ishak, 2010b).

Bagaimanapun, secara amnya terdapat beberapa isu dalam pengajaran dan pembelajaran BIM untuk PAFA kepada golongan pekak. Antaranya ialah:

#### a) Kekurangan perkataan isyarat agama

Menurut Siti Muhibah Nor (2010) dan Huzairi Awang et al. (2010), kekurangan simbol isyarat agama Islam menghalang golongan pekak dan guru yang mengajar untuk berkomunikasi bagi membincangkan perkara berkaitan dengan agama. Selain itu, kekurangan isyarat agama Islam akan menyebabkan golongan pekak kurang berminat dan memahami pembelajaran PAFA dengan baik (Huzairi Awang et al., 2010; Siti Muhibah Nor, 2010). Perkara ini disokong oleh Zakarna et al. (2013) yang mengatakan bahawa kebanyakan istilah-istilah agama tidak diperjelaskan dalam bahasa isyarat dan ini menyebabkan golongan pekak sukar memahami agama Islam. Bahasa isyarat yang berkaitan dengan agama Islam perlu diadakan supaya pemahaman dan minat golongan pekak terhadap pembelajaran agama Islam khususnya PAFA dapat dipertingkatkan (Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abd Majid & Safani Bari, 2010; Huzairi Awang et al., 2010; Siti Muhibah Nor, 2010). Oleh itu, istilah-istilah agama dalam BIM amat penting digunakan dalam pengajaran PAFA.

#### b) Ketidakmahiran guru PAFA dalam menggunakan bahasa isyarat

Menurut Huzairi Awang et al., (2010), kebanyakan guru-guru agama yang mengajar PAFA kepada golongan pekak tidak berkemahiran menggunakan bahasa isyarat. Perkara ini juga disokong oleh Siti Muhibbah Nor (2010) yang mengatakan bahawa guru-guru agama tidak dapat menguasai bahasa isyarat dengan baik sehingga menyebabkan ilmu kurang disampaikan dengan baik. Kesannya menyebabkan murid pekak kurang memahami pengajaran yang disampaikan oleh guru (Hamdi Ishak, 2010a). Sebagai seorang guru agama yang mengajar murid pekak penguasaan bahasa isyarat amat perlu kerana bahasa isyarat

merupakan medium utama komunikasi mereka (Hamdi Ishak, 2010a). Kemahiran guru dalam berisyarat akan memudahkan guru menerangkan sesuatu perkara berkaitan dengan PAFA secara lebih mudah dan berkesan (Hamdi Ishak, 2010a; Huzairi Awang et al., 2010; Siti Muhibbah Nor, 2010). Oleh itu, penguasaan guru dalam bahasa isyarat amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran PAFA kepada murid pekak.

### c) Ketidaksesuaian kurikulum PAFA untuk golongan pekak

Bagi mata pelajaran pendidikan Islam khususnya PAFA murid-murid pekak Muslim mengikuti Kurikulum Pendidikan Islam seperti mana murid-murid tipikal Muslim yang lain dalam arus perdana (Hamdi Ishak, 2010a). Namun, kurikulum yang digunakan kepada murid pekak adalah tidak sesuai (Hamdi Ishak, 2010a). Murid-murid ini mempunyai kesukaran dalam menguasai dan memahami kurikulum serta sukanan pelajaran yang diberikan kerana kurikulum dan sukanan pelajaran yang digunakan turut digunakan oleh murid tipikal (Hamdi Ishak, et al., 2010; Huzairi Awang et al., 2010). Kesannya, masalah ini menyebabkan guru-guru tidak mengikut sepenuhnya suakan di dalam kurikulum, mengubahsuai kurikulum dan suakan mengikut kesesuaian murid, tidak mengajar tajuk-tajuk yang dianggap terlalu sukar dan sebagainya (Hamdi Ishak, 2010a). Walaupun pengubahsuai dilakukan oleh guru tetapi pencapaian murid-murid pekak masih lemah (Abdullah Yusof, 2002). Memandangkan pencapaian yang kurang memuaskan, Mohd Hanafi Mohd Yasin (2005) mencadangkan murid pekak perlu mempunyai kurikulum khas yang bersesuaian dalam mengajar mereka. Hal ini turut disokong oleh kajian Ross dan Pagano (2009) dan Berman, Gauthmann, Crespi, dan Liu (2011) yang mengkaji berkaitan pembangunan kurikulum untuk murid pekak; mereka mengatakan bahawa golongan ini perlu mempunyai kurikulum yang bersesuaian dengan mereka kerana bentuk atau cara pengajaran kepada golongan pekak tidak sama dengan golongan tipikal. Oleh itu, kurikulum yang bersesuaian perlu diadakan untuk mengajar PAFA kepada golongan pekak.

### Implikasi dan kesimpulan

Bahasa isyarat Malaysia (BIM) merupakan bahasa utama orang pekak (Wilbur, 2012). Golongan pekak akan berasa berminat untuk mempelajari sesuatu sekiranya menggunakan bahasa isyarat sebagai medium komunikasi utama mereka dalam pengajaran dan pembelajaran. Penyelidik sendiri yang telah bersama dengan menimba pengalaman dalam komuniti pekak mendapati mereka akan mudah didekati sekiranya seseorang itu boleh berkomunikasi dengan menggunakan bahasa isyarat. Oleh itu, sekiranya pengajaran dan pembelajaran menggunakan BIM sebagai medium utama dalam komunikasi, ini akan mempermudahkan penguasaan PAFA dalam kalangan golongan pekak.

Golongan pekak sememangnya wajib mempelajari agama. Mereka adalah manusia yang berakal dan wajib menerima dakwah serta mempelajari ilmu agama (Hamdi Ishak, 2010b; Hamdi Ishak, et al., 2010). Golongan pekak juga perlu hidup seperti manusia lain,

hidup dalam bermasyarakat dan melakukan ibadah kepada Allah SWT kerana manusia diciptakan adalah untuk beribadat kepadaNya (Hamdi Ishak, 2010b).

Sehubungan itu, setiap umat Islam termasuk golongan pekak wajib mempelajari Islam terutamanya perkara asas fardhu ain (PAFA) sebagai asas kekuatan dalam peribadi muslim untuk mengharungi kehidupan yang mendatang (Mohd Huzairi Awang et al., 2010). Oleh itu, sekiranya isu-isu ini tidak ditangani dengan segera maka akan memberi beberapa implikasi kepada golongan pekak untuk mempelajari PAFA. Antara implikasinya ialah:

**a) Golongan pekak kurang menghayati dan memahami ajaran agama Islam secara menyeluruh**

Sekiranya BIM tidak digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran PAFA kepada golongan pekak, maka akan menyebabkan kurang penghayatan mereka dalam memahami ajaran agama Islam. Mereka akan berasa kurang bermotivasi untuk mempelajari PAFA kerana ketidakfahaman mereka terhadap penyampaian oleh guru yang tidak menjadikan BIM sebagai medium komunikasi utama mereka. Sehubungan itu, penggunaan BIM dalam mempelajari PAFA akan memberi penghayatan yang lebih bermakna kepada golongan pekak untuk mempelajarinya secara berkesan (Huzairi Awang et al., 2010).

**b) Keterbatasan peluang untuk berosal jawab mengenai permasalahan di dalam PAFA**

Golongan pekak akan berasa terbatas untuk berosal jawab mengenai PAFA sekiranya komunikasi dalam pengajaran dan pembelajaran tidak menggunakan BIM. Mereka kurang berpeluang untuk bertanya kepada guru mengenai permasalahan sesuatu berkaitan dengan PAFA. Perkara ini akan menyebabkan mereka sentiasa berasa keliru dalam mempelajari agama dan berasa putus asa untuk mendalami agama dengan lebih baik. Namun, sebenarnya di dalam agama Islam peluang untuk mempelajari agama adalah untuk semua (Hamdi Ishak, 2010b). Mereka berhak mendapatkan peluang untuk mempelajari agama. Perkara ini telah dibuktikan melalui Surah Abasa ayat 1 hingga 11 yang menunjukkan bahawa peluang untuk mendapatkan ilmu mengenai agama tidak hanya terbatas dan semua manusia tidak kira yang cacat ataupun tidak berhak untuk mendapatkan ilmu agama.

**c) Pegangan akidah golongan pekak akan mudah terpesong**

Pegangan akidah golongan pekak akan mudah terpesong sekiranya pemahaman mereka terhadap PAFA berkurang. Mereka akan mudah terikut dan terpesong daripada ajaran agama. Hal ini kerana, jika diperhatikan seperti agama lain mereka amat menitik beratkan dan meraikan golongan OKU khususnya golongan pekak. Sebagai contoh, berdasarkan statistik daripada pertubuhan Wycliffe yang merupakan sebuah pertubuhan dalam menterjemahkan kitab Bibble di Kanada mendapati bahawa kitab Bibble telah diterjemahkan kepada 25 jenis bahasa isyarat di beberapa buah negara Asia Pasifik. Perkara ini telah menimbulkan kerisauan kita sebagai umat Islam kerana terjemahan Al-Quran di dalam bahasa Isyarat amatlah kurang di dunia ini. Hal ini boleh menyebabkan golongan pekak akan mudah terpengaruh dan mudah mengikuti agama lain kerana bahasa mereka lebih diraikan oleh agama lain berbanding dengan agama Islam.

Daripada implikasi yang dinyatakan menunjukkan bahawa sebenarnya penggunaan BIM untuk PAFA amat perlu dititikberatkan. Oleh itu, penyelidik mengemuka beberapa cadangan kepada pihak tertentu dalam menangani isu ini. Antara cadangannya ialah:

- a) Pihak Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) seharusnya bekerjasama dengan badan pertubuhan yang melibatkan golongan pekak seperti Persatuan Orang Pekak Islam Malaysia (PRISMA), Yayasan Pendidikan Al-Quran bagi Anak Istimewa (FAQEH) dan sebagainya supaya menghasilkan pelbagai projek atau program mengenai bahasa isyarat yang berkaitan dengan terminologi Islam. Sebagai contoh, menghasilkan buku bahasa isyarat PAFA, kursus bahasa isyarat PAFA, dan sebagainya supaya dapat mengembangkan pemahaman bukan sahaja kepada golongan pekak tetapi kepada golongan tipikal terhadap kepentingan BIM dalam pengajaran dan pembelajaran PAFA.
- b) Selain itu, pihak media massa seharusnya menyediakan perkhidmatan jurubahasa isyarat di dalam program televisyen keagamaan khususnya program keagamaan yang melibatkan Fardhu Ain, supaya dapat memberi peluang kepada golongan pekak untuk mempelajari PAFA secara lebih mudah dan lebih interaktif.
- c) Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian Pelajaran Malaysia seharusnya hendaklah menyusun dan membina sebuah kurikulum yang baharu kepada murid pekak mengikut kesesuaian dan kebolehan mereka serta memastikan penggunaan BIM sebagai medium komunikasi utama untuk pengajaran dan pembelajaran.
- d) Guru-guru yang mengajar PAFA kepada golongan pekak perlulah diberikan latihan dan kursus mengenai BIM supaya mereka boleh berkomunikasi dengan golongan pekak dengan lebih baik dan berkesan. Seseorang guru yang ingin mengajar golongan pekak mengenai PAFA perlulah mempersiapkan diri dengan kemahiran berkomunikasi menggunakan bahasa Isyarat. Perkara ini disokong oleh Zulkifli Md Ali, Mohd Mokhtar bin Tahar dan Mohd Hanafi bin Mohd Yasin (2010) yang berpendapat bahawa guru perlulah menggunakan BIM sebagai bahasa utama dalam berkomunikasi supaya pelajar lebih memahami sesuatu arahan, pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan BIM.

Jelaslah bahawa penggunaan BIM akan memudahkan lagi kefahaman golongan pekak untuk mempelajari PAFA. Menurut Lieberman, Borovsky, Hatrak, dan Mayberry (2014) menunjukkan bahawa bahasa isyarat dapat membantu golongan pekak memahami sesuatu perkara dengan lebih mudah dan cepat. Hal ini disokong oleh Loughran (2013), bahasa isyarat lebih mudah untuk difahami oleh golongan pekak dan penerimaan ilmu akan mudah disampaikan dengan menggunakan bahasa . isyarat.

Sememangnya BIM perlulah diiktiraf sebagai bahasa utama orang pekak di Malaysia. Hal ini kerana, menurut Mohd Sazali Shaari (2005), BIM adalah lambang identiti orang pekak Malaysia yang kaya dengan pelbagai budaya kerana bentuk isyarat mereka adalah menurut kepada cara hidup dan budaya mereka serta tidak terpengaruh kepada unsur luar yang lain. Menurut Zulikifi bin Md Ali et al. (2010) sekiranya adanya pengiktirafan ini, BIM akan menjadi alat saluran dan penerimaan maklumat yang berkesan kepada golongan pekak terutamanya dalam pendidikan. Malahan, penggunaan BIM secara tidak langsung dapat

berupaya memberi pendidikan agama yang sewajarnya kepada golongan pekak terutamanya dalam pengajaran PAFA (Mohd Huzairi Awang et al., 2010).

Adalah amat digalakkan supaya kajian mengenai BIM perlu diperbanyakkan terutamanya penggunaan BIM dalam pengajaran agama. Hal ini kerana kajian mengenai BIM masih kurang dan perlu dipertingkatkan agar dapat memberi manfaat sepenuhnya pada masa akan datang.

**Rujukan**

Al-Quran Al-Karim.

Azrin Ab. Majid. (2011). *Pendidikan Islam Malaysia membangun gagasan baru* (Edisi ke-2). Selangor. Angkatan Edaran.

Al-Fityani, K., & Padden, C. (2008). A lexical comparison of sign language in the Arab world. Theoretical issues in sign language research conference Florianopolis, Brazil. 9(1). 2-14.

Berman, B. A., Guthmann, D. S., Crespi, C. M., & Liu, W. (2011). Development and testing of an antitobacco school-based curriculum for deaf and hard of hearing youth. *American Annals of the Deaf*, 155(5), 502-604.

Enns, C. J., & Herman, R. C. (2014). Adapting the assessing British Sign Language development: Receptive skills test into American Sign Language. *Journal of Deaf Studies and Deaf Education*, 16(3), 362 – 374.

Hagen, S. (2011). *The body language book* (2nd ed.). Selangor. Advantage Quest.

Hamdi Ishak. (2010a). Isu pengajaran Pendidikan Islam kepada kanak-kanak bermasalah pendengaran. *Proceedings of the First Annual Inclusive Education Practices Conference*. UKM 1 131 – 141.

Hamdi Ishak. (2010b). *Pekak dan bisu menurut perspektif Islam*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, & Safani Bari. (2010). Amalan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam kepada murid sekolah kebangsaan pendidikan khas masalah pendengaran: satu kajian kes. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*, 1(4), 163 – 171.

Haung, T. (2012). A review of sign language acquisition studies as the basis for informed decisions for sign language test adaption. *Sign Language & Linguistics*, 15(2), 213-239.

Haung, T., & Mann, W. (2014). Mapping out guidelines for the development and use of sign language assessments: some critical issues, comments and suggestions. *Multilingual aspects of signed language communication and disorder*, 11, 123-239.

Ismail Kamus & Mohd Azrul Azlen Ab. Hamid. (2009). *Indahnya hidup bersyariat: modul fardu ain diri, keluarga dan masyarakat sepanjang hayat*. Kuala Lumpur, Malaysia: Telaga Biru.

Kincaid (2012). *Exploring the use of auditory and verbal strategies and specific visual teaching systems of itinerant teachers of students who are deaf and hard of hearing*. (Thesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan. Universiti Queen's, Canada).

Lieberman, A. M., Borovsky, A., Hatrak, M., & Mayberry, R. I. (2014). Real-time processing of ASL signs: Effects of linguistic experience and proficiency. *BUCLD 38 Proceedings University of California*, 23-26.

Lim, L. (2006). *Understanding deaf culture: Malaysian perspectives*. Kuala Lumpur: Majudiri Y Foundation for the Deaf.

Loughran, S. (2013). Cultural Identity, Deafness and Sign Language: A postcolonial approach. *LUX: A Journal of Transdisciplinary Writing and Research from Claremont Graduate University*, 2(1), 1-8.

Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2005). *Perbandingan pencapaian pelajar pendidikan khas (pekak) menggunakan tiga format peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)*. (Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan). Fakulti Pendidikan UKM. Bangi.

Mohd Huzairi Awang, Hajarutul Bahti Zakaria, Bani Hidayat Mohd Shafie, Nor Hayati Fatmi Talib & Nabiroh Kassim. (2010). Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran fardhu ain: Cabaran terhadap guru. *Proceedings of the 4th International Conference on teacher Education: Joint Conference UPI & UPSI*. 240 – 250.

Mohamed Sazali Shaari. (2004, Ogos 13). Budaya orang Pekak. *Kertas persidangan keluarga Pekak bahagia*. Hotel Crown Princess. Kuala Lumpur.

Mohamed Sazali Shaari. (2005). Antara BIM dan maruah orang pekak Malaysia (atas talian). [http://epekak.net/bicarasazali/2005/02\\_JBI.htm](http://epekak.net/bicarasazali/2005/02_JBI.htm)

Moores, D. F. (1996). *Educating the deaf : Psychology, principles, and practices* (3rd ed.). Boston, MA: Houghton Mifflin.

Ross, A. D., & Pagano, T. (2009). Development of curriculum to teach the “soft skills” necessary for the future deaf and hard-of-hearing laboratory technician workforce. *Journal of Science Education for Students with Disabilities*, 13(1), 17-28.

Sheikh Abdul Fattah Abu Ghuddah. (2011). *40 Strategi pendidikan Rasulullah SAW*. Selangor: Pelima Media.

Sign Language Statistics. (2010).

Wycliffe. [http://www.wycliffe.ca/wycliffe/our\\_community/post.jsp?euid=57cff2f2-62f5-4609-9](http://www.wycliffe.ca/wycliffe/our_community/post.jsp?euid=57cff2f2-62f5-4609-9)

Siti Muhibah Nor. (2010). Kesukaran Pemahaman murid-murid bermasalah pendengaran terhadap mata pelajaran pendidikan Islam. *Proceedings First Annual Inclusive Education Practices Conference* (hh. 122 – 130).

The Islamic dictionary for the deaf. (2013). Doha, Qatar: The Qatar Centre of Social Culture for the Deaf.

Trine, E. (2013). *A Case Study of an Arabic/Jordanian Sign Language (LIU) Interpreter in Jordan*. (Tesis Ijazah Sarjana yang tidak diterbitkan, Universiti Western Oregon. Amerika Syarikat).

Wilbur, R. B. (2013). Changing how we think about sign language, gesture, and agreement. *Sign Language and Linguistics*, 16(2), 221 -258.

Zakarna, N., Samreen, S., Eldin, R.S., & Jasim, N. F. (2013). First International Forum for the Deaf Muslims: Deaf Muslims Organization. Doha, Qatar: The Qatar Centre of Social Culture for the Deaf.

Zulkifli Md Ali, Mohd Mokhtar Tahar, & Mohd Hanafi Mohd Yasin. (2010). Kesan Bahasa Isyarat Malaysia dalam penggunaan Kod Tangan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bermasalah pendengaran. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah UKM*, 1(4), 109 –121.

